

Bil. 42

Rabu  
9 Oktober 2019



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**Mengenai:**

#### *Education Malaysia Global Services (EMGS)*

- Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Global (EMGS):-
  - Yang Berbahagia Dato' Dr. Rujhan Mustafa, Mantan Ketua Pegawai Eksekutif

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
彭加拉国第十四届国会**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 09 OKTOBER 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

- |  |                             |
|--|-----------------------------|
| YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]                       | - <i>Pengerusi</i>          |
| YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]                               | - <i>Timbalan Pengerusi</i> |
| YB. Tuan Wong Chen [Subang]                                      |                             |
| YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]           |                             |
| YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]                            |                             |
| YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]                |                             |
| YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]                            |                             |
| YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]       |                             |
| YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] |                             |

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

- |   |                     |
|---|---------------------|
| YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] |                     |
| YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]      |                     |
| YB. Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]        |                     |
| YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]       |                     |
| YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]                     |                     |
| YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah                   | - <i>Setiausaha</i> |

**URUS SETIA**

- Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
 Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
 Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
 Puan Lee Jing Jing [Jurubahasa Serentak Kanan I (Jurubahasa dan Terjemahan) Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

- Puan Nor Salwani binti Haji Muhammad [Pengarah Sektor Tadbir Urus (Bahagian Audit Tadbir Urus)]  
 Puan Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit)]  
 Encik Md Adnan bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah I (Bahagian Audit Tadbir Urus)]  
 Puan Ropiah binti Yunos [Penolong Juruaudit (Bahagian Audit Tadbir Urus)]

samb/-

**HADIR BERSAMA (*samb/-*)****Kementerian Kewangan**

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC))]

Encik Muhammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC))]

**Jabatan Peguam Negara**

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]

Puan Fatin binti Mohd Nor [Peguam Persekutuan (Unit Penswastaan dan Pengurusan Kontrak)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Noor Azurainy binti Mohd Nordin [Ketua Cawangan (Awam) (Pemeriksaan dan Perundingan)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)]

YBrs. Dr. Maziah binti Che Yusoff [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

**SAKSI****Education Malaysia Global Services (EMGS)**

YBhg. Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa [Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services (EMGS)]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Rabu, 9 Oktober 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.08 pagi**

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan selamat sejahtera Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Naib Pengerusi PAC Parlimen, Ahli-ahli anggota PAC Parlimen, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah dia masih dalam Dewan rasanya. Kepada semua pegawai-pegawai *ex officio* PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat Prosiding PAC Parlimen pada pagi ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat semua sekalian, hari ini kita buat— kita sambung mesyuarat prosiding bagi tajuk *Education Malaysia Global Services (EMGS)* yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2018 Siri 1. Semasa kita memulakan prosiding pada 4 September yang lepas, kita telah mendengar penjelasan dan keterangan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Ketua Pegawai Eksekutif ataupun CEO EMGS.

Selepas daripada mesyuarat berkenaan saya ada membuat kenyataan media menyatakan bahawa prosiding berkenaan dan berikutnya daripada itu Sekretariat PAC Parlimen dihubungi oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Rujhan Mustafa yang merupakan mantan CEO EMGS yang berkhidmat mulai 1 September 2017 hingga kontrak beliau ditamatkan pada 12 Februari 2019. Ketika ini untuk makluman kita di dalam bilik mesyuarat ini, Yang Berbahagia Dato' Dr. Rujhan Mustafa masih berkhidmat sebagai penjawat awam berjawatan Pengarah Perkhidmatan Sosial di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan gred perkhidmatan JUSA A.

■1110

Jadinya, Yang Berhormat dan ahli-ahli mesyuarat sekalian, kesanggupan Dato' Dr. Rujhan untuk datang untuk memberikan penjelasan dan keterangan di hadapan PAC Parlimen, kita perlu puji. Selalunya orang, kalau cakap PAC, semua hendak melarikan diri, tetapi *he himself* datang untuk memberikan penjelasan.

Memandangkan maklumat beliau ini pada pandangan saya juga sangat penting kerana kalau jawatankuasa kita ini hendak menyiapkan laporan yang telus, tidak berat sebelah serta ada kredibiliti maka itu saya ingin memujilah kesanggupan Dato' Dr. Rujhan untuk datang memberikan penjelasan. Jadinya, tanpa membuang masa lagi marilah—*I think* Encik Johan boleh panggil Dato' Dr. Rujhan masuk untuk memberikan penjelasan di hadapan PAC Parlimen. Sekian, terima kasih.

*[Saksi mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih ya. Terima kasih Dr., *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Jadinya, Yang Berhormat dan semua ahli ataupun pegawai *ex officio* PAC Parlimen, hadir di hadapan PAC Parlimen sekarang ini adalah Yang Berbahagia Dato' Dr. Rujhan Mustafa yang merupakan mantan CEO EMGS yang berkhidmat mulai 1 September 2017 sehingga 12 Februari 2019.

Terlebih dahulu saya hendak ucapkan terima kasih banyak kepada Dato' Dr. kerana sudi untuk hadir di hadapan PAC Parlimen bagi memberikan penjelasan dan keterangan berhubung satu prosiding yang telah kita mulakan. Prosiding ini adalah prosiding terhadap *Education Malaysia Global Services* yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1.

Jadinya untuk makluman Yang Berbahagia Dato' Dr., PAC Parlimen bila kita *start* atau kita mulakan prosiding ini pada 4 September yang lepas dan kita telah memanggil Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Gazali bin Abas yang merupakan Ketua Setiausaha KPM. Juga hadir ketika itu adalah Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi dan Encik Shahinuddin Syariff, Ketua Pegawai Eksekutif EMGS. Sebelum kita memulakan prosiding ini, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. bahawa segala keterangan dan segala penjelasan Yang Berbahagia Dato' Dr. dirakam secara verbatim dan laporan ini akan disiapkan sebagai *Hansard proceeding* pada hari ini.

Sehubungan dengan itu juga, sekiranya Yang Berbahagia Dato' Dr. ingin memberikan penjelasan tanpa direkodkan di dalam *Hansard*, boleh berbuat demikian, tetapi tidak perlu hendak tekan butang mikrofon. Oleh sebab apabila kita mulakan—tekan sahaja mikrofon ia memang semua akan direkodkan di dalam sistem *Hansard*. Saya ingin menjelaskan juga bahawa semua penjelasan dan keterangan Yang Berbahagia Dato' Dr. pada hari ini adalah rahsia sehingga PAC Parlimen membentangkan laporan ini ke dalam Dewan Rakyat, pergi masuk ke dalam Parlimen. Jadinya saya tidak mahu membuang masa lagi, dengan itu saya menjemput Dato' Dr. Rujhan Mustafa untuk memulakan penjelasan mengenai isu EMGS, dipersilakan Dato'.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa [Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services (EMGS)]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan semua Ahli PAC. Seperti yang telah diperkenalkan tadi, saya Rujhan Mustafa, mantan CEO kepada syarikat EMGS (*Education Malaysia Global Services*) untuk selama satu tahun dan empat bulan. Dalam tempoh itu jugalah berlaku pengauditan oleh Jabatan Audit Negara pada November 2018 sehingga Februari 2019, tempoh itu ketika saya berada di pejabat.

Saya ucapkan terima kasih kerana bagi saya peluang dan ruang yang jarang-jarang boleh diperolehi. Saya akan berikan keterangan secara jujur dan ikhlas tanpa berselindung. Saya gembira sangat dengar kenyataan Tuan Pengerusi sebentar tadi, maksudnya kenyataan ini akan dilindungi oleh akta sehingga laporan dibentangkan di Parlimen nanti. Sekejap ya, saya hendak tekankan slaid saya. Okey.

Izinkan saya bagi sedikit latar belakang tentang diri saya. Saya berasal daripada pekerjaan saya yang pertama di Universiti Malaysia Sarawak sebagai Profesor dalam bidang Ekonomi Antarabangsa, kemudian dipinjamkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi waktu itu, kementerian pertama kali ditubuhkan pada tahun 2004, saya dipinjamkan untuk berkhidmat kepada Menteri pertama, menyediakan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kemudian, *I move the ladder up*, yang terakhir sekali saya adalah Ketua Pengarah di Jabatan Pendidikan Tinggi yang hari ini dipegang oleh Datuk Paduka Ir. Hamisah yang disebutkan sebentar tadi. Kemudian saya dipinjamkan—dijemput oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri waktu itu merangkap Menteri Pendidikan untuk menjadi CEO PADU (*Education Performance and Delivery Unit*), sebuah anak syarikat di Kementerian Pendidikan untuk membantu memantau dan melaksanakan aktiviti bagi Pelan Pendidikan Malaysia.

Berikutnya saya dipinjamkan ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk menjadi CEO bagi tempoh hampir tiga tahun dan dalam masa yang sama juga saya telah dilantik sebagai *subject matter expert* untuk UNESCO bagi Asia Pasifik *on the Global Qualification and Recognition Convention*. Pada September 2017, saya memegang jawatan sebagai CEO EMGS, anak syarikat kepada KPT pada waktu itu ya. Kini saya di MEA sebagai Pengarah di Bahagian Perkhidmatan Sosial.

Okey, sedikit latar belakang mengenai EMGS ialah—ini sebenarnya untuk menguruskan pelajar antarabangsa. Ia seperti juga badan-badan yang lain, macam *tourism* dan *biotech*, ia ada agensi untuk menyelaraskan hal promosi dan sebagainya. Ia sebuah syarikat *limited by guarantee* di bawah Akta Syarikat 1965 dan keputusan Kabinet pada November 2012 ialah syarikat ini mesti bukan berasaskan keuntungan, okey. Ia mesti menjana pendapatannya sendiri dan ia mesti membangunkan satu sistem *online* untuk lebih meningkatkan kecekapan, *integrated* dan juga untuk membolehkan kita melihat pada sistem yang *transparent*.

Jadi, kesemua permohonan pelajar antarabangsa untuk belajar di Malaysia mestilah melalui EMGS dan kita dengan sistem yang telah dibangunkan— satu sistem itu membolehkan kita mengenal pasti pelajar ini tulen ataupun tidak. Kalau tidak, kita akan *reject* lebih awal lagi, oleh imigresen. Jadi, kita menjalankan promosi dan pemasaran antarabangsa di luar negara dan menjadi *one stop centre* bagi kesemua sekali lima buah kementerian dan beberapa agensi kawal selia yang lain. Secara keseluruhannya, EMGS membuat saringan kelayakan akademi dan juga kesihatan untuk memastikan pelajar sebelum masuk ke Malaysia itu akan dipertimbangkan kelulusan untuk mendapatkan visa kemasukan.

So, dari segi grafiknya, tengoklah begini ya. Kesemua sebelum ini yang mana ada lima kementerian dengan lain-lain agensi, pemegang dasar dan sebagainya sekarang ditempatkan di sebuah *one stop centre*, EMGS. Selepas lima tahun kita lihat kejayaan utama EMGS. Ia menjadi— saya boleh katakan sistem yang terbaik kerana sudah ada sistem *online* yang cekap, segala pembayaran dan *communication* akan dirakamkan, pembayaran secara *online*, tidak ada lagi *cash*. Ia merangkumi semua kementerian dan juga agensi yang lain dan permohonan juga telah dipercepatkan, tempohnya dipercepatkan, ia pendek dan menggembirakan banyak IPT dalam industri pendidikan tinggi.

Apa yang penting juga, kesemua permohonan tadi dirakamkan dan direkodkan. Kita *archive*-kan semua, setiap dokumen yang sampai kepada EMGS, sijil-sijil pengajian mereka, *passport*, berapa kali mereka tukar atau membuat sambungan *passport* dan sebagainya. Semua ada *archive* dengan kita dan ia boleh menjamin dan mengelakkan daripada mana-mana pelajar cuba memalsukan dokumen dan juga menggunakan untuk tujuan yang salah di negara kita.

## ■1120

Penjimatan kos kerajaan kerana sebelum itu kerajaan terpaksa menyediakan *about* RM17 juta setahun untuk melakukan program promosi di luar negara dan *70 percent* adalah untuk emolumen pegawai-pegawai, okey. Untuk EMGS daripada tahun pertama ditubuhkan ia telah berjaya menjana pendapatan sendiri dan sehingga kini kewangannya adalah kukuh. Paling besar sekali, BIG DATA yang paling besar sekali ada dalam negara kita untuk pelajar antarabangsa hanya ada dekat EMGS dirujuk oleh PDRM, Imigresen dan juga oleh bahagian keselamatan negara.

Hari ini kita katakan selepas pelajar antarabangsa ramainya adalah lebih tulen dan baik dan mencapai 173,000 pada tahun 2018 daripada sasaran 200,000 pada tahun 2020. Malaysia kini muncul *one of the best destinations among the international students over 132 countries*. Kita katakan sektor ini boleh menjadi *new engine of growth* dalam sektor perkhidmatan *and source of new income for the nation*. So, kita tengok...

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Okey Dato' Dr. Rujhan. Silakan *Chairman*, ya. Baik, saya hendak tanya sedikit tentang pendapatan daripada sistem STARS *online* ini. So, you say

dulu terima RM17 juta geran daripada kerajaan, betul tidak? *Under the new system you don't need to receive anymore grant.*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dalam keputusan Kabinet untuk penubuhan EMGS itu dikatakan kerajaan akan menyediakan geran, *it's about RM30.3 juta.*

**Tuan Wong Chen:** Okey.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Daripada tahun pertama dan tahun kedua iaitu tahun 2012 dan 2013 kira-kira RM20.2 juta telah disalurkan. Geran itu adalah untuk penubuhan dan juga operasi. Kita dapat memang geran ini sampai hari ini masih ada baki RM20 juta lebih kerana tidak digunakan kerana kita telah— tahun pertama telah mendapat pendapatan sendiri.

**Tuan Wong Chen:** Betullah. Jadi saya hendak tahu prestasi pendapatan itu lebih kurang berapa setahun?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ia berbeza ya. Tahun lepas tahun 2018 is *about RM5 million.* Tahun sebelumnya lebih tinggi, ketika pelajar— pada tahun 2016 paling tinggi sekali sebab ia melibatkan 120,000 kemasukan pelajar *enrolment* yang ada. Kita tengok pendapatan ia dalam laporan tahunan ini pun disediakan, dalam Laporan Audit Negara. Dari segi kewangan ia kukuh, tidak ada isu dari segi— saya rasakan tidak ada isu dekat situ kerana ia telah menjana pendapatan sendiri dan juga telah mencatatkan keuntungan keseluruhan sampai tahun 2017 adalah dalam— jumlah pendapatan tahun 2017 adalah RM5.43 juta. Sebelum itu RM3.36 juta. Sorry, RM56.63 juta pada tahun 2017.

**Tuan Wong Chen:** Okey, okey Dato' Dr. Rujhan. *Let me just go back to the fundamental first. What are your operating expenses roughly a year and how much is your revenue coming in?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Operating* kita adalah menyediakan sistem *online* tadi ya. *This system* disediakan oleh satu vendor yang telah menghantar *proposal* pada kerajaan pada waktu itu, itu tanpa kos. Maknanya, berbanding dengan vendor-vendor yang lain katanya vendor inilah yang tidak memberikan apa-apa kos kepada kerajaan tetapi membuat *smart partnership*. Maknanya kalau sudah mencapai jumlah pelajar antarabangsa masuk lebih daripada 30,000 orang, *sharing the profit of 35 and 65.*

**Tuan Pengerusi:** Okey Dr. Okey, sebab *check* Dato' Dr. Rujhan tadi bercakap mengenai vendor. Ketika vendor ini dipilih, saya hendak bertanya cara pemilihannya. Satu kepada Dr. Keduanya, sama ada ketika itu Dr. sudah terlibat atau tidak secara langsung dalam pemilihan vendor tersebut yang menguruskan sistem enrolmen ini?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey, pada tahun penubuhan tahun 2012, saya menjadi Ketua Pengarah dan Kabinet memutuskan masa itu masa saya di dalam office sebagai Ketua Pengarah. Kemudian, ketika pemilihan vendor saya tidak berada di situ lagi

iaitu telah ada Ketua Pengarah yang lain. Masa itu saya dah pindah pada PADU ya, sebagai CEO PADU.

Apa saya dimaklumkan ialah bila saya masuk ke EMGS ini pada lewat tahun 2017, pemilihan vendor telah dibuat secara terbuka iaitu pemilihan mengikut SOP kira-kira lima penender yang masuk. Lima penender yang masuk ini ada yang meminta puluhan juta untuk membangunkan sistem *online* seperti diminta oleh Kabinet. Syarikat vendor yang mendapat ini namanya Scicom telah memberi komitmen ia boleh membangunkan satu sistem yang lengkap tanpa kos kepada kerajaan, tidak meminta apa-apa peruntukan. *At zero cost* tetapi dengan syarat. Jika pelajar melebihi 30,000 pelajar, barulah ia boleh berkongsi pendapatan. Kalau kurang daripada 30,000 pelajar, pendapatannya akan milik— pergi kepada syarikat berkenaan. Ini telah dipersetujui oleh *board* pada waktu itu.

**Tuan Wong Chen:** Jadi 65 peratus itu kepada Scicom?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Kepada Scicom.

**Tuan Wong Chen:** Betul, *right?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Betul, betul.

**Tuan Wong Chen:** Akan tetapi data-data semua *surely you are getting as it is*. Sebelum STARS pun lebih 30,000 pelajar setahun. *Isn't it?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, ya.

**Tuan Wong Chen:** *So, you are putting a base that is in favor of Scicom straight away.*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Itu saya katakan waktu itu saya tidak terlibat. Itu sudah diputuskan oleh *board* waktu itu. Yang terbaik adalah Scicom. Itu yang saya tahu.

**Tuan Wong Chen:** Ya, ya. Oleh sebab data yang depan kita itu 88,000 pelajar. Betul atau tidak?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey.

**Tuan Wong Chen:** *30,000 base is ridiculous.*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, *but* itu bukanlah tahun 2012 sahaja. Ia sudah bermula lama. Bermula selepas Tun melancarkan program *South-south Coorporation* dan *Langkawi International Dialogue* mempromosi Malaysia dan juga kepada pemimpin-pemimpin negara-negara selatan. Kita sudah lihat trend. Akan tetapi rekod yang kita ada ini ialah pada tahun 2012 yang kita ada atas *slide* saya inilah.

**Tuan Wong Chen:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Bila kita tengok data-data ini dan apabila kita melihat, kita dimaklumkan sebelum ini bahawa— berapa? Sebanyak *65 percent* kepada...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Kepada Scicom.

**Tuan Pengerusi:** Kepada syarikat tersebut dan selebihnya kepada syarikat milik kerajaan.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Kita merasakan bahawa ianya seolah-olah menyebelahi kepada vendor dan bukan kepada kerajaan. Jadinya *do you have anything to say regarding that?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya juga beranggapan yang sama bila saya menjadi CEO pada akhir tahun 2017. Saya masuk ke pejabat saya mengatakan kenapa tidak 50-50? Paling tidak mesti 50-50. Saya—*the first question* saya kata mengapa tidak 50-50. *But when I listened to the explanation*, dia kata proses ini kerana syarikat berkenaan membangunkan, *no cost to the government*. Ia hanya akan mengambil keuntungan jika pelajar— ia boleh berkongsi jika kita melebihi 30,000 pelajar. *Then*, kita berkongsi betul daripada tahun yang pertama lagi. Oleh sebab itu geran tadi itu tidak digunakan. Ia sudah menjana pendapatan sendiri. Jangan terjadi di mana keadaan jumlah permohonan baharu itu kurang daripada 30,000 kerana kesemua keuntungan itu pula akan masuk kepada syarikat vendor tadi.

**Tuan Wong Chen:** *I agree Dato' Dr. Rujhan, I agree. But the issue is this ya. To create a system may cost ballpark figure. Maybe RM10 million, okay. It can be more than RM10 million, simple system like this ya.* Pendapatan Scicom setiap tahun pada 65 peratus kadar sebab kadar itu 30,000 pelajar itu memang a *low base*. *It is almost guaranteed*. Pendapatan setahun ia berapa lebih kurang? *Do you have any idea?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Memanglah lebih besar daripada EMGS pendapatannya.

**Tuan Wong Chen:** Dua kali gandalah.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dua kali gandalah.

**Tuan Wong Chen:** *Easily.* Betul?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, betullah.

**Tuan Wong Chen:** Jadi pendapatan *you* RM5 juta setahun *as you said*.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** *He's getting RM10 million a year.*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya faham. Akan tetapi kalau...

**Tuan Wong Chen:** Kalau kos untuk buat projek itu RM10 juta, *it is one-off payment*.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Akan tetapi dalam perjanjian berkenaan saya baca ia juga melibatkan komponen lain di mana vendor akan juga membayar sewaan bangunan untuk EMGS pada hari ini. Bangunan itu juga peralatan *hardware* dan sebagainya di bawah syarikat berkenaan.

**Tuan Wong Chen:** Itu saya faham. Dulu sebelum saya jadi Ahli Parlimen, *I was a corporate lawyer working on IT projects as well.* Saya faham *maintenance contract you know, service level agreement* dan SLE, saya faham. *But there is a limit to what percentage it should be.* *But I agreed Dato' Dr. Rujhan. I am not scolding you.* I cuma hendak cakap sahaja. *It is because you are not part of the decision making*, betul tak? *Surely.* I appreciate bila *you* masuk sahaja, *you* tanya soalan kenapa tinggi sangat.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Memanglah kalau tengok dari segi masing-masing kata sepatutnya kita berkongsi sama banyak. Lepas itu bila kita masuk, memang ada usaha berbincang dengan pihak Scicom supaya kita melihat semula kadar ini. *Of course*, pihak Scicom ada kontrak—*the signed contract* dia kata memang dia berpegang kepada kontrak berkenaan. Saya rasa kalau tidak tahun depan atau dua tahun lagi kadarnya akan naik kepada 40 peratus atau 45 peratus bagi EMGS. Ia ada kaedahnyalah. Akan tetapi setelah mendengar penjelasan, saya tidak boleh membuat apa-apa kerana itu telah diputuskan oleh *board* yang lama dan keputusan berkenaan terpegang dengan perjanjian. Hari ini kita hanya menggunakan kemudahan yang telah disediakan, okey.

Jadi saya hendak menyatakan dari segi *performance of the system* maknanya kita telah mengurangkan aspek-aspek budi bicara yang dulu mungkin berlaku; komen dan *complaint* daripada industri ialah lambat, kena bayar wang lebih dan sebagainya, berlaku dahulu sebelum adanya sistem ini.

#### ■1130

Penubuhan EMGS bukannya hasrat pada kerajaan, adalah hasrat kepada industri itu sendiri. IPT sendiri mencadangkan kepada kerajaan supaya diwujudkan satu *one stop centre* untuk membantu mereka. Tentunya kerana isu tadi, kerana isu vendor tadi, *industry was not happy*. Tahun pertama, mereka menyaman Menteri. Mereka menyaman...

**Tuan Pengerusi:** Waktu ketika itu?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Masa tahun 2012?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tahun 2013 mereka *start* memulakan saman.

**Tuan Pengerusi:** Oh, mulakan saman. Maknanya, *when you said the industry*, industri itu siapa?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, semua—*association of the university, IPT*.

**Tuan Pengerusi:** *Association of university*, okay.

**Tuan Wong Chen:** Yurannya terlalu tinggi, betul?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya?

**Tuan Wong Chen:** *Why* dia saman? Saman sebab yuran tinggilah.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, mereka menyaman sebab mereka mengatakan ada kos yang kena tanggung sekarang ini RM1,000. *Before that*, tidak ada kos RM1,000. Dahulunya mereka bawa kepada imigresen. Maknanya mereka membayar kos visa kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). *But* sekarang ini sudah ada kos operasi yang telah diputuskan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, RM1,000 *one-off*. Mana-mana pelajar hendak masuk ke Malaysia, permohonan sahaja *is one off*, RM1,000 *equivalent to* berapa dolar. Berbanding dengan negara-negara lain, kita kecillah kan sebab RM1,000 *is cost*. Hal yang

lain-lain ialah hanya untuk sambungan visa *RM140 per year*. Itu sahaja pendapatan yang dijanakan oleh syarikat EMGS.

**Tuan Wong Chen:** Macam FOMEMA lah? [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi sebelum apa-apa, sebelum saya serahkan kepada Yang Berhormat Jasin. Saya cuma— *this is my—I am curious*. Okey, sebab semasa audit ini dilakukan, Yang Berbahagia Dato' bukan lagi CEO...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya masih lagi di hujung.

**Tuan Pengerusi:** Masih di hujung tetapi masa itu ada— tetapi waktu ketika itu CEO baharu sudah masuk.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ada CEO.

**Tuan Pengerusi:** Waktu penubuhan pun bukannya Dato' sebagai CEO waktu ketika itu ya?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Bukan, bukan saya. Saya CEO yang ketiga. Eh! Saya yang kedua. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Ya, sebab itu saya— *that's why I am so curious* kenapa Dato' sudi untuk berhadapan dengan PAC pada hari ini dan menerangkan kepada kita mengenai satu syarikat yang mana Yang Berbahagia Dato' bukan lagi CEO?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey. Ada dalam pembentangan ini tetapi saya hendak ringkaskan. Dalam Laporan Audit Negara ada dinyatakan campur tangan Pengerusi dalam hal-hal *day-to-day operation*. Saya ada catatkan dalam ini, saya boleh quote di sini, “*Pengerusi mengambil tindakan atau membuat keputusan di luar bidang kuasanya*.” Maknanya, Pengerusi yang baharu masuk telah mengambil beberapa tindakan yang— mengganggu, yang bukan kuasanya.

**Tuan Wong Chen:** Governance issue-lah? Governance.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dalam isu ini, bukan disebut tadbir urus korporat, yang mana telah berlaku bukan *good governance*.

**Tuan Wong Chen:** *Dato' Dr. before you jump the gun by ten slides...* [Ketawa]

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, ya.

**Tuan Wong Chen:** *We are asking about the Scicom issue because it was raised in the last hearing...*

**Tuan Pengerusi:** Yes.

**Tuan Wong Chen:** *And we are very curious to find out how they selected these people and why the rates are so high. You testified kata, you yourself will recommend 50-50 only, something lower.* Betul atau tidak?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *I asked the management, you know.* Mengapa tidak dahulu— bukannya 50-50. *I* tanya sendiri. Selepas itu baharu difahamkan sudah ada perjanjian dan diterangkan mengapa diberi 65-35 tadi.

**Tuan Wong Chen:** *But your...*

**Tuan Pengerusi:** *Then vendor itu dipilih secara tender? Tender terbuka? Open tender ataupun...*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Ya, open tender. Open tender.*

**Tuan Pengerusi:** *Open tender.* Kita hendak tahu fasal itu because kita dalam tempoh hari— dalam prosiding sebelumnya kita tidak dimaklumkan ataupun mungkin kita pun— kesilapan kita pun tidak ada pertanyaan mengenai perkara itu. Jadinya pemilihan itu siapa yang buat? Melalui proses yang macam mana? Bila dibuat?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, ya. Itu memang di luar pengetahuan saya kerana saya tidak berada di situ. Cuma saya hendak beritahu ialah isu ini bukan baharu, dibangkitkan juga sebelum saya masuk sebab itu kata ada saman tadi. Kemudian, apabila saya masuk pun ada isu dibangkitkan dan sebagainya. Saya kadangkala terpaksa menjawab kepada pertanyaan. Memang ini— apa yang tidak menggembirakan pihak industri ialah pertama sekali, bayaran tadi. Keduanya, kerana vendornya. Vendornya dikatakan bukanlah —dia memang warga dipanggil...

**Tuan Wong Chen:** Sri Lanka.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Sri Lankan, permanent resident.*

**Tuan Wong Chen:** Sri Lankan bukan Malaysian pun.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dikatakan begitu ya. Akan tetapi ialah saya tidak boleh ada banyak kuasa untuk mengatakan sebab ini telah diputuskan. Memang hari ini pun timbul bermacam-macam isu fasal perkara inilah, di media untuk menjawab perkara ini. Pada saya, yes *open tender*. Pemilihan telah dibuat dan diputuskan oleh *board*. Salah satu *board* yang terlibat waktu itu, hari ini ialah menjadi CEO. Dia yang tahu *A-to-Z*.

**Tuan Wong Chen:** *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *I was not involved but on the day one dia jadi board,* penubuhan itu, dia yang tahu macam mana pemilihan itu telah dibuat. Hari ini menjadi CEO kepada syarikat ini.

**Tuan Pengerusi:** Dia masih...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dia masih.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya. Kalau dia tidak menjawab persoalan tentang itu, walhal dia tahu. Maka dia tidak menjawab. Oleh sebab dia terlibat dengan pemilihan dan juga keputusan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Bermakna Dato'— bermaknanya CEO yang sekarang ini ketika menjadi *board* dia bersetuju dengan keputusan.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dia bersetuju dengan keputusan bahawa inilah syarikat yang perlu dipilih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tiada bantahan daripada dia?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tiada bantahan...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Memang dia setuju?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dia setuju. Saya tidak tahulah sama ada dalam itu ada bantahan dan sebagainya, saya tidak tahu. Cuma dia *one of the board* yang terlibat.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *But there was a board decision* kan?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Yes, *board decision*.

**Tuan Wong Kah Woh:** Dato', berkenan dengan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Kah Woh:** Sorry Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jasin nanti kejap.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Naib Pengerusi ya. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Chen:** Vice President habiskan dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Vice President dahulu Yang Berhormat Jasin. Nanti saya bagi pada Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Okey, okey.

**Tuan Wong Kah Woh:** Dato', berkenaan dengan pandangan Dato' tadi yang mana Dato' berfikiran bahawa *50-50 is a fair deal*. Akan tetapi setelah keterangan ataupun *explanation* daripada mereka yang terlibat, *how do you find that 65-35. Is it a good thing or what?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Still, I am not satisfied because a big junk of income goes to this vendor.*

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Kita buat proses dan saya cuba berbincang untuk review semula perkara ini. Mereka berpegang kepada perjanjian 15 tahun.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, selain daripada sewa pejabat kah dan juga *the setting up of the pejabat, what are the costs that Scicom actually covered?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Itulah *maintenance on the software, the system*. Kemudian, setiap kali ada yang baharu kita minta untuk dibangunkan, mereka akan bagi *for free*. Sebagai contoh, pengeluaran visa dahulu secara manual. Sekarang sudah jadi *by online, 100 percent online*. Pengiriman juga dahulu kita kena hantar *the physical file* tadi, visa ke luar negara mungkin makan masa tiga minggu atau sebulan. *Sometimes missing in action*, hilang di universiti, hilang dalam perjalanan. Sekarang ini bila imigresen lulus sahaja, *within 48 hours student can download*. *There is no*— tidak ada *involvement human error* lagi sudah. Banyak yang...

**Tuan Pengerusi:** Dalam masa berapa lama diluluskan melalui sistem ini?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Kalau sistem luluskan hari ini, *within 48 hours* pelajar sudah boleh *download*.

**Tuan Pengerusi:** *48 hours* lah?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *48 hours*.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya *efficiency* itu meningkatlah.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Efficiency* ditingkatkan. *eVAL (electronic Visa Approval Letter)* satu lagi ialah pemohon dahulu memohon masuk ke Malaysia dia mesti menggunakan ejen atau dia menggunakan universiti untuk memohon. *And ada cost lain—hidden cost pun ada lagi di situ.* Kita katakan *student* boleh memohon secara *online, direct* kepada EMGS. So, maknanya kalau *you* memohon terus kepada EMGS, *you* tidak perlu ejen dan tidak perlu pihak-pihak lain. Ini tugas sistem yang telah dibangunkan.

**Tuan Wong Chen:** *Chairman, I just want to...*

**Tuan Pengerusi:** Bagilah dahulu Yang Berhormat Jasin. Kasihan Yang Berhormat Jasin tunggu. Yang Berhormat Jasin, dipersilakan Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Hendak tanya Dato', *what is the source of income for EMGS ini?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *What is the source of income?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Source of income is straight to the point, ia direct.* Hanya permohonan. Apabila hendak mohon borang tadi, *RM1,000 one-off*.

**Tuan Wong Chen:** *Then renew RM140 lah.*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya?

**Tuan Wong Chen:** *Renew...*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Renew RM140.* Itu sahaja. Itu kepada syarikat kita. *But of course, income* kepada negara lagi besar daripada itu iaitu mereka kena memilih syarikat insurans untuk menjaga kebajikan mereka semasa tinggal di Malaysia. Itu akan pergi kepada beberapa syarikat insurans, sama ada disediakan oleh EMGS atau pilihan mereka sendiri.

Ketiga, pendapatan kepada universiti berkenaan iaitu fi, yuran pengajian terus kepada sana. Keempat, pendapatan kepada mereka membawa ahli keluarga mereka dan sebagainya itu kita panggil...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Dependent. Spending. Transport, tourism* dan sebagainya. Akhir sekali, impak paling besar sekali *income* inilah kepada *local community*. Mereka yang datang ke sini bukan orang main-main, orang kaya-kaya ini yang belajar di Malaysia, kebanyakannya. Ada juga yang tidak kaya. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Apa source of income tadi? Oleh sebab saya tanya soalan Dato'...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** ...Kerana kita tengok you are not doing much, you know.

**Dato' Dr. Rujhan Bin Mustafa:** Pardon me?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** You are not doing much but you are getting so much income from various sources.

**Dato' Dr. Rujhan Bin Mustafa:** Eh! Bukan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Actually now your overhead should be very, very, minimal.

**Dato' Dr. Rujhan Bin Mustafa:** Tidak, tidak. Yalah, betul. Mungkin anggap begitu, mungkin yalah. Akan tetapi kalau kita dari dalam, kita tahu bukan mudah. Maknanya sekarang ini daripada proses permohonan, satunya kita kena *to ensure the academic transcript dia itu is genuine. It is not easy.* Maknanya kita kena tengok semua, one-by-one dengan mata sendiri oleh officer sebelum ia dihantar secara online tadi. Pastikan *genuine, okay.*

Keduanya, kita hendak tengok pemohon tadi sebelum dia datang ke Malaysia, dia dah kena buat pemeriksaan kesihatan di klinik yang kita dah kenal pasti.

#### ■1140

Bila dia pergi sahaja dekat klinik itu, apa yang kita buat? *Thumbprint and facial recognition.* Mengapa? Kita hendak pastikan bila mereka datang ke Malaysia tadi orang yang sama, bukan orang yang lain. Ini yang kita bangunkan. Jadi bila mana dia pergi ke klinik, dia *thumbprint*, automatik dia sekali itu masa itu kamera akan ambil muka dia, *report* kesihatan dia akan sampai ke tempat kita. *And then* kita akan proses dengan universiti. Bila dia sampai, kita dah *ensure* dah. Sistem imigresen dekat *airport* dah tengok dah, orang yang sama. Kemudian, kita minta sekali lagi *post-medical screening*, takutnya selepas mereka buat *medical screening* dekat sana itu, sebelum sampai ke Malaysia ini, mereka mengambil dadah dan sebagainya. Kita buat juga *post-medical screening*.

Kemudian, sijil mereka ini kita *archive*. Kesemua seluruh negara tadi, daripada semua negara kita *archive* sampai hari ini jadi BIG DATA dekat negara kita *and process* memang *very detail and then* nak kata tadi *cost minimal* tadi, kalau tengok dari segi sistem, rasa *minimal but tanggungjawab officers*— kita tak ramai, dalam 64 orang sahaja. Bayangkan dengan puluhan ribu permohonan ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Dato, yang terakhirnya. You came voluntarily— at least now you will be able to tell us the real story. What are the other things that you want to tell us?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Pardon?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *What are other things?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya ada dengan slaid ini sebenarnya. Slaid ini, belum habis lagi.

**Tuan Wong Chen:** *Chairman, I just—for the record. I fully understand the digitization effort of kerajaan dan BIG DATA and all this. But for the Public Accounts Committee, our main concern is that the contracts given to companies on digitization is always going to be some form of monopoly, betul? You agree, right?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Sekarang yes lah. Memang satu sahaja sekarang ini.

**Tuan Wong Chen:** Yalah. Betul lah. So, we have to worry about monopoly issue and most important the pricing issue, the profit sharing. The third issue we have to worry about—of course pricing is very sensitive because we don't want corruption.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Yes.

**Tuan Wong Chen:** We want to make sure we're getting every full money that government spent, the bang for the bulk-lah. The third issue is about national security and to what extent can we actually give the corporations the right to hold all these data. Correct?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Yes.

**Tuan Wong Chen:** For PAC in particular, as more digitization happened, kita kena banyak lagi kena belajar tentang isu investigating this kind of contracts. So, it's very important for us to start now a system to make sure that these contracts are given out as transparent and as accountable as possible.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya bersetuju jika kata nak tengok balik kontrak tadi sama ada pemilihannya mengikut tatacara yang betul dan sebagainya, *let's be open*. Yes, please do so. Kita tak ada—saya rasa saya pun tidak ada masalah dekat situ. Cuma yang saya nak beritahu ialah yang menyaman tadi—pihak industri yang menyaman tadi kerana mereka tidak happy mula-mula tadi kerana bayaran dan sebagainya.

Jadi bila saya masuk ke pejabat, saya panggil balik industri ini. Tempoh itu sudah lima tahun, tak selesai dekat Mahkamah Tinggi. Bila saya masuk dalam tempoh lima bulan, saya panggil balik industri, *engage and sit down* bersama-sama, saya beritahu *one by one* apa yang telah dilakukan oleh EMGS kepada mereka. Sebenarnya mereka sudah mengakui dah, yes mereka mendapat manfaat daripada kewujudan EMGS dan mereka *willingly at no cost*, menarik balik saman kepada kerajaan. Dua saman, satu dekat Mahkamah Tinggi, satu lagi dekat Mahkamah Rayuan. Itu yang dapat saya lakukan dalam masa lima bulan pertama saya menjadi CEO. Saya rasa itu satu perkara yang baik kerana industri kita sudah mula bersama membantu negara untuk menjadi hab pendidikan antarabangsa.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan—mungkin boleh teruskan.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya undur sedikit ya. *I just* nak tunjuk sedikit daripada Laporan Audit Negara ini. Dibangkitkan isu operasi iaitu isu Memo Periksa Keluar dan juga

isu promosi dan pemasaran tiada pelaporan kepada *board*, isu tadbir urus korporat, campur tangan dan tiada wakil kerajaan dan juga isu geran yang kurang digunakan.

*I start* dengan isu— keputusan Memo Periksa Keluar ini yang dibangkitkan. KDN pada tahun 2016 telah membuat keputusan, kesemua pelajar bila keluar— IPT mestilah merekodkan mereka untuk keluar. Akan tetapi sistem tidak ada, jadi mereka me-report hantar kepada JIM sahaja. EMGS secara *voluntarily* telah membangunkan platform untuk universiti merekodkan dekat EMGS. KDN telah memaklumkan kepada semua pejabat-pejabat di negeri dan sekarang tanggungjawab Kementerian Pendidikan Tinggi waktu itu ialah menyampaikan arahan kepada IPT.

Walau bagaimanapun sehingga saya masuk dekat situ sekalipun, saya dapat kementerian tidak mengeluarkan apa-apa arahan menyebabkan IPT tidak mengambil tindakan. Jadi, IPT tidak menggunakan sistem yang disediakan. Jadi isulah hari ini. Kita tahu berapa ramai yang masuk iaitu 173,000 dan kita tak tahu berapa ramai yang keluar. Adakah mereka berada dalam negara kita lagi? *We do not know.*

**Tuan Pengerusi:** Itu persoalan yang banyak kita tanyakan dalam prosiding sebelum ini, untuk makluman Yang Berbahagia Dato' Dr. Rujhan.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey, terima kasih. Kedua ialah saya telah mengambil inisiatif pada November atau Disember di hujung tahun saya iaitu menghantar kembali *reminder* kepada KSU Datuk Dr. Mohd Gazali Abas yang disebut nama sebentar tadi, supaya mengeluarkan arahan kepada IPT menggunakan platform yang telah disediakan. Akan tetapi sehingga...

**Tuan Pengerusi:** Tahun berapa ini hantar?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tahun 2018. Bulan Disember.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2018. *Oh, you're still the CEO?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Yes, saya hanya sampai 12 Februari 2019 sahaja. Jadi saya menghantar ini sebab saya tahu ini benda penting. Kalau tak buat, tak boleh. Jadi saya hantar ini, cc kepada Ketua Pengarah Imigresen, kepada *Chairman* saya juga dan kedua-dua Ketua Pengarah Pendidikan dan juga Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. Ini penting, tindakan perlu dilakukan segera oleh KPM mengeluarkan arahan kepada semua institusi di bawahnya untuk mengambil tindakan.

Dibangkitkan juga tentang bahagian promosi dan pemasaran yang bermasalah yang tidak menghantar laporan dan sebagainya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Dato, sorry ya. Berkennaan dengan memo keluar itu, surat Dato' adalah pada Disember 2018.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, Dato' menjadi CEO 2017. So, *what happened in that one year did you actually see that problem happening and of course selepas surat ini, apa tindakan susulan.*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, bila saya *engage*— saya *always on the ground* dengan pihak imigresen dan sebagainya dan banyak yang dimaklumkan ialah kerana kita tak dapat *track* pelajar yang keluar. Tak tahu berapa ramai yang keluar. Rekod dekat universiti yang ada ialah jika mereka tidak hadir kelas tiga hari berturut-turut, yang mana mereka mesti— pihak universiti bertanggungjawab melaporkan kepada pihak imigresen. Kegagalan berbuat demikian kemungkinan mereka tidak boleh menyambung lesen. KDN akan menarik balik lesen mengambil pelajar antarabangsa dan ini berlaku kepada banyak institusi. Hanya kerana hilang satu atau dua pelajar. Itu satu, dua pelajar yang kita kata ada dalam senarai dekat universiti. Yang lain hilang dekat tempat lain kita tak tahu bagaimana. Oleh sebab itu rekod ini penting.

Dalam masa setahun saya *engage* dengan pihak imigresen dengan pihak IPT memujuk mereka. Mereka kata mereka tidak menerima apa-apa arahan daripada IPT. Saya berbincang juga dengan pihak kementerian, pihak kementerian berkata iaitu pihak yang menjaga ialah bahagian di Jabatan Pendidikan Tinggi, mereka mengatakan ini kuasa KDN. Oleh sebab peraturan itu peraturan KDN. KDN pula kata, dia tiada kuasa untuk mengarahkan IPT. Mereka saling menuding jari. Mereka mengatakan sepatutnya EMGS yang membuat surat. Saya kata tak boleh, EMGS bukan pembuat dasar, kita *implementor*. Agensi kawal selia yang boleh mengeluarkan surat.

Jika saya masih lagi sebagai bekas Ketua Pengarah, saya mengatakan yes. Walaupun ini bekas kementerian saya, kementerian mesti mengeluarkan surat arahan kepada universiti.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Dr., soalan saya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Sorry, Yang Berhormat Bukit Bendera. *One more question not answered.* Apakah tindakan susulan selepas surat ini? Selepas surat pada Disember 2018?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey, kita berhubung dengan pihak sana dan tidak ada apa-apa tindakan dilakukan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Wong Hon Wai:** Dr., tadi kita ada dengar bahawa ada masalah komunikasi *inter agency* antara EMGS dengan Kementerian Pendidikan dengan agensi-agensi lain. Waktu dulu apabila KSU Kementerian Pendidikan datang, saya pernah bertanya kepada dia. Bagaimana kawal selia Kementerian Pendidikan terhadap EMGS? Beliau antara lain menjawab bahawa setiap dua minggu ada *post Cabinet meeting* di mana CEO EMGS hadir sebagai— dalam *post Cabinet meeting*.

Apakah cadangan Dr. Sekarang? Apa masalah dari segi komunikasi, kawal selia, dari segi *line of reporting*, dari segi *line of responsibility* antara EMGS dengan Kementerian Pendidikan?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya dekat Kementerian Pendidikan Tinggi kira agak panjang juga lah. Saya melalui beberapa KSU. Saya dapat untuk pentadbiran sekarang ini, bila saya cuba menyampaikan hasrat tentang perkara EMGS kepada pihak pengurusan sekarang ini, mungkin ada sesuatu yang tidak kena iaitu tidak mendapat sokongan daripada kementerian iaitu termasuk Menteri sendiri ya. Saya berusaha untuk memberi penerangan tentang EMGS sampai saya keluar pun tidak bertemu untuk memberi penerangan tentang EMGS. *Chairman* hari pertama masuk sekalipun ke EMGS juga menyatakan hari pertama lagi, "*Rujhan, you kena bersedia untuk keluar*". Saya kata tidak apa kalau itu keputusannya.

#### ■1150

Akan tetapi peluang untuk kita memberitahu kementerian, dia punya *line*-nya dekat sana bukan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi, ia terus kepada KSU. Tidak ada isu dengan KSU sebelum ini.

Isu dengan KSU sekarang ini ialah— saya tidak tahu mengapa, macam ada dingin sedikit dengan EMGS. Satu ketika pengerusi pula memberitahu saya supaya membuat kertas kerja untuk menutup EMGS. Saya juga membuat kertas kerja membandingkan apa tugas yang dulu dekat kementerian. Ia ada satu lagi bahagian dekat sana iaitu Bahagian *Education Malaysia* yang juga menjaga untuk kebajikan pelajar universiti di luar negara dan juga mengatakan mereka juga membuat promosi di luar negara. Bila saya *compare note-to-note* dan juga arahan Kabinet, sepatutnya bahagian berkenaan telah pun dimasukkan dalam EMGS.

Jadi dekat sini ada isu tohmahan— kerana tohmahan-tohmahan kepada EMGS tadi. Mungkin kerana soal vendor, soal kontrak dan sebagainya. Jadi mungkinkah kerana itu pihak kementerian— supaya ada sedikit *gap* sikit dengan EMGS. Tidak nampak sangat menyokong dan sebagainya. Oleh sebab kita bukan sahaja susah berjumpa dalam mesyuarat *Post Cabinet*.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, untuk mesyuarat Kabinet dalam Menteri yang baharu, saya hanya masuk sekali sahaja dibenarkan masuk. Dahulu masa Menteri sebelum ini saya boleh masuk *Post Cabinet* setiap minggu untuk beri keterangan tentang kemajuan dan sebagainya. Dengan yang baharu, saya tidak dibenarkan masuk dalam mesyuarat *post Cabinet*.

Kemudian, bila CEO yang baru masuk ini katakan dibenarkan masuk. Jadi saya rasakan tidak tahulah betulkah dibenarkan masuk kerana zaman saya hanya sekali dipanggil untuk memberi keterangan fasal pengantarabangsaan.

Jadi ada dingin sedikit antara pihak kementerian dengan pihak ini. Mungkin kerana banyak isu. Tadilah isu-isu yang dibangkitkan dekat media dan sebagainya yang mungkin memerlukan lebih berhati-hati dengan EMGS, begitu mungkin.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Sebelum teruskan Tuan Pengerusi, saya ada soalan— Johor Bahru sebelah kanan Tuan Pengerusi. Cuma memang penjelasan Dr. tadi saya teliti memang ada banyak tindakan cuba dibuat oleh peringkat Dato' sendiri.

Cuma dari segi surat tersebut, bertarikh Disember. Saya hendak dapatkan kepastian bila audit mula masuk ke EMGS supaya hendak tahu ia sebelum atau selepas?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Audit masuk *in November*.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** November. Adakah tindakan audit masuk menyebabkan Dr. mula...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tidak, sebelum itu kita sudah ada mesyuarat dengan persatuan-persatuan dan terakhirnya sekali saya ingat dekat Kota Kinabalu dengan semua IPT dekat sana. Kita bangkitkan juga perkara itu.

Akan tetapi kerana kita selalu berkomunikasi— pegawai berkomunikasi dengan pegawai secara *verbal*, mengambil tindakan dan sebagainya. Saya kata tidak boleh lagi sudah. *I need put on record*. Satu surat walaupun dianggap saya memberi peringatan kepada bapa saya iaitu anak syarikat memperingatkan kementerian, tidak apalah. Saya kata sebab ini benda yang perlu dilakukan seberapa segera.

Jadi untuk makluman semua ahli juga, Jabatan Audit Negara juga masuk itu atas saya punya inisiatif sendiri. Saya menelefon Tan Sri Madinah waktu itu supaya— sebelum saya melanjutkan tugas saya sebagai CEO EMGS— masuk sahaja saya ada dengar perkara-perkara yang tidak begitu sedap didengar.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Bila Dato' mula berhubung dengan Tan Sri Madinah?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Sebelum audit masuk. Saya meminta supaya dihantar pasukan audit masuk.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** So, maksudnya audit masuk itu atas permintaan dari CEO sendirilah.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Atas inisiatif saya. Bukan itu sahaja, yang kedua saya pernah menulis surat kepada SPRM supaya menghantar, menempatkan pegawai mereka secara pinjaman dekat EMGS. Ini kerana saya mendengar benda-benda yang inilah. Jadi dalam masa satu tahun itu, banyak saya belajar dan memang hendak buat tindakan terus tidak boleh, kenal pasti betul atau tidak. Bila saya sahkan perkara iturasa memang ada kesangsian dan saya menelefon Tan Sri Madinah dan juga menghantar surat kepada SPRM

untuk mendapatkan pegawainya untuk ditempatkan dekat EMGS. Akan tetapi sayangnya, saya akhirnya tidak dapat meneruskan tugas dekat situ.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Apabila Dato' diminta ke EMGS, maksudnya atas arahan siapa atau *what was the thinking behind it?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey. Sejarah saya panjang. Saya menjadi Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi untuk tengok semua penubuhan dan pendaftaran IPTS, yang pertama dan juga menjaga IPTA.

Kedua, bila saya pindah ke PADU, saya menjaga semua sekali termasuk melihat pendaftaran dan penubuhan sekolah-sekolah antarabangsa di bawah sektor swasta di KPM. Jadi bila saya menjadi CEO MQA pula, saya tengok semua kelulusan akreditasi program.

Jadi bila Menteri lama satu ketika mengatakan kita ada masalah dekat EMGS. So, banyak sangat rungutan dan dari segi *performance* ada sedikit isu. "*Boleh tidak you toleng tengok, pergi bantu dekat sana*". Itu dinyatakan kepada saya, tidak salah saya kalau tidak Mac atau April 2017. Bila saya *study* memang saya nampak ada masalah dekat sini. Takut hendak pergi. Saya masih CEO MQA waktu itu. Mengambil saya masa— ditemu duga bulan Mei. Orang yang menemu duga saya salah seorangnya tadilah ahli lembaga sekarang menjadi CEO hari ini. Orang yang menemu duga saya.

Dia menemu duga saya dengan salah satu lagi ialah Datuk Jalilah Baba bekas MIDA punya *Director General*. Dia menemu duga saya dan mengatakan kepada saya *head-hunting*, kita sudah kenal pasti *you are the best candidate for the post*, boleh tidak datang ke EMGS. Itu bulan Mei. Saya hanya mampu menjawab, saya akan *join* September sebab banyak sangat benda yang dapat ia perlu di— dari segi *performance* menurun, isu-isu integriti pun berlaku dekat situ dan sebagainya. Orang bercakap, jadi mengambil sedikit masalah untuk saya ke sana.

Memang betul. Mungkin *one of the factor* yang mendorong tadilah kerana Menteri melihat saya *is one of the candidates* dekat sana. Mungkin benar saya *bona fide expert*-lah dalam pendidikan sebab saya sudah banyak melalui jawatan-jawatan lain sebelum itu.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Maksudnya memang Dato', pemahaman Dato' apabila Dato' dibawa ke EMGS ini adalah untuk *troubleshoot* untuk menyelesaikan masalah di sana. Cuma pandangan Dato' sebelum masuk hanya mendengar khabar-khabar mengatakan bahawa EMGS ini bermasalah.

Cuma mengikut rentetan yang berlaku sekarang, *I mean your time* dekat sana pun dipendekkan dalam situasi sekarang ini. *What do you think, do you actually create too much trouble there?* Maksudnya adakah Dato' ini— kemasukan Dato' ini menyebabkan berlaku pergolakan yang— atau berlaku kesan-kesan ketidaksenangan dalam EMGS atau macam mana?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya tidak menghadapi masalah dengan *board* yang lama memberi kepercayaan penuh kepada saya untuk melaksanakan tugas saya di mana saya mendapati bila ada pegawai yang ingkar. Pegawai ini adalah pegawai memang lama dekat sana dan bila saya masuk, memang kita dapat buktikan memang ada isu. Saya minta dia meletakkan jawatan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Boleh sebut nama ataupun jawatan?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Nama dia adalah Dr. Syed. Dia merupakan Pengarah Bahagian Promosi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *All these payment now come direct from the student or come from university itself?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Student.* Permohonan tadi *direct from the student* tetapi dia boleh meminta universiti ataupun ejen membantu mereka membayar kepada EMGS dan *student* boleh *track* dia punya permohonan dia, sudah betul kah masuk duit dekat EMGS. Berapa peratus sudah diproses *approval*, sudah 30 percent kah, 40 percent kah, semua ada. *Transparent*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Memang *transparent* tetapi dikatakan sekarang memang lazimnya *it comes direct either from the agent or university? Not from individual?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Now, it's from individual.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Not from individual?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Now from individual.* Daripada pelajar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Daripada pelajar?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Yes, daripada pelajar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *They will be paying by cash?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *No, now tidak ada cash. It's all online.* Ini betul-betul tidak ada lagi *cash*, tidak ada lagi apa-apa lagi untuk minta kelulusan. *It's all by online. Individual.* Mereka boleh terus memohon kepada sistem kita, tidak melalui ejen dan tidak melalui universiti untuk mendapatkan visa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Satu lagi Dato', *there are lot of cases now where student actually disguise themselves. They are not actually studying but they are doing something else. How do you track?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey, sama ada pelajar itu *genuine* ataupun tidak. Sehingga kemasukan dekat *point of entry*, hanya pelajar yang kita sahkan sahaja dan beri sokongan kepada JIM untuk *approval*, itu adalah pelajar *genuine*, betul-betul tulen. Sijil kelayakan mereka betul, mereka ada insurans, visa, pasport mereka betul dan bukan palsu, tidak ada kes jenayah dan sebagainya.

Akan tetapi apabila mereka masuk ke Malaysia, mereka menjadi pelajar, mereka kena memohon visa. Sebagai pelajar, itu bukan lagi tanggungjawab EMGS. Itu adalah tanggungjawab universiti, memastikan mereka menghadirkan diri dalam kuliah. Sama ada mereka menghadiri dalam kuliah atau mereka pergi melancong dan sebagainya, itu kita tidak tahu. Akan tetapi hendak keluar esok sepatutnya kena ada *check out memo* memastikan dia keluar. Akan tetapi kalau dia pergi bekerja, saya tidak tahu lah. Akan tetapi rekod kata banyakkan.

#### ■1200

Okey, pernah berlaku bas terbalik di Wang Kelian di Perlis dan dinyatakan dalam 30 ke 40 orang itu ada salah guna visa pelajar. Apabila kita buat semakan daripada semua nama-nama tadi, hanya dua orang pernah membuat permohonan melalui sistem kita. Satu, dia sudah dapat visa dan tidak menghadiri kuliah dan kedua dapat visa tetapi dia tidak mendaftar di mana-mana.

So, maknanya orang yang lain-lain tadi memang masuk tanpa EMGS, bermakna bukan urusan kita. Masuk secara haram. Akan tetapi dikatakan kerana dua orang tadi kerana itulah.

**Tuan Pengerusi:** Dato' mungkin boleh teruskan lagi...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Pembentangan ya.

**Tuan Pengerusi:** ...Sebab saya tengok banyak slaid ini. Jadinya, terus fokus kepada slaid.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey ya. Saya selesaikan yang fasal peringatan kemudian saya pergi kepada bahagian ini. Bermasalah sebelum itu sebabnya kerana dia tidak mengambil staf. Promosi ini di banyak buah negara. Kalau *you* buat promosi dengan lima orang sahaja, *you keep going overseas. Average / tengok* seorang pegawai berada di luar negara setahun 25 kali. Sebayak 25 kali ya dan bahagian ini tidak ada PA, tidak mahu PA. Tidak mahu pembantu khas untuk membuat *filling* dan sebagainya. Fail bahagian kalau tanya, tidak ada di bahagian. Dekat individu *officer* mungkin ada. Tidak ada pun susunan fail yang betul.

Perolehan vendor. Bila pergi ke luar negara kita buat promosi kita kena melantik vendor untuk membangunkan *booth*. SOP cara pemilihan vendor tidak ada, tidak ada jawatankuasa yang memilih. Maknanya sekarang ini *you* hendak lantik siapa? Kita hendak lantik siapa yang buat vendor untuk kita tadi? Itu boleh berlaku.

Setiap *visit* tidak ada laporan. Tidak ada laporan dikemukakan kepada *management*. Akan tetapi mereka melapor kepada *board*. Tadi itulah kata yang tidak lapor pada *board* ini saya rasa— bila saya berhubung balik dengan *previous chairman* dia kata semua dilaporkan. Mungkinkah ini ditujukan kepada saya kerana buat pertama kali *board* yang baru ini saya hendak membentangkan pada 17 Januari 2019 itu sudah siap *ready* hendak masuk

bentangkan sekali, saya tidak dibenarkan masuk dan menerima surat *next day* saya diarahkan bercuti dan dilantik CEO baharu ketika saya masih lagi menjadi CEO yang sah.

Jadi, apa yang saya buat memang kita tambah pegawai. Saya buat *rotation* daripada bahagian, menambahkan PA, *subject matter expert*. Bila pergi luar negara orang akan tanya fasal visa. Pegawai promosi pergi ke luar negara tidak boleh jawab fasal visa, tidak boleh. Tukar ya. Jadi kita menghentikan pegawai yang ingkar. Saya ada sebutkan nama tadi Dr. Syed. Rakan saya juga, bekas staf saya di Kementerian Pendidikan Tinggi juga dahulu.

Ada satu pegawai beliau yang nombor dua meletakkan jawatan dengan sendirinya bila saya tidak membenarkan beliau— saya mempersoalkan cara perolehan vendor dan tidak membenarkan keluar negara dalam beberapa *event* dan tidak memberikan apa-apa ROI. Kemudian, kita buat banyak penambahbaikan dan bila penambahbaikan inilah yang sebenarnya menekan saya. Hendak membuat sesuatu yang lima tahun sudah dalam *comfort zone* tadi, ia buat tindakan, itulah menjadi tidak boleh diterima oleh banyak pihak dalam EMGS.

Okey, bahagian yang ini penting sekali ya, tadbir urus korporat. Memang bermasalah semenjak kemasukan pengerusi yang baharu. Ini betul penemuan audit, poin 6.14A pengerusi mengambil tindakan di luar bidang kuasanya. Mengapa? Saya juga— mungkin dia ada pengetahuan— dia adalah mempunyai memiliki syarikat sendirian berhad *oil and gas* di bangunan yang sama di tingkat 9. Kami di tingkat 21.

Kemudian campur tangan yang pertama yang berlaku ialah memanglah, memang hari-hari ada di pejabat, memang tidak apalah ada di pejabat, *no problem*. Akan tetapi jangan kacau *day-to-day operation*.

**Tuan Pengerusi:** Dia ini pengerusi eksekutif kah bukan eksekutif?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Non-executive*.

**Tuan Pengerusi:** *Non-executive*.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Non-executive*. Saya terpaksa keluar daripada bilik saya, bilik CEO untuk memberi bilik saya kepada beliau. Saya masuk bilik kecil di belakang, okey. Tiada wakil kerajaan. Dia masuk sahaja dia suruh semua *board member* menandatangani surat peletakan jawatan dan tarikh akan dimasukkan oleh beliau sendiri. Tidak apa, saya katakan itu tidak ada masalah, semua *sign*. Saya pegang surat itu. Bila dia hendak, saya bagi.

Sekarang memecat saya waktu itu secara tidak sah dan tidak mengikut prosedur kerana saya diarahkan bercuti. Saya hadir bertugas kerana saya ada perjanjian dengan syarikat. Saya tidak boleh membawa— *carry forward* cuti-cutি saya yang bulan 12 ke hadapan, tidak boleh. Bila saya hadir bertugas, hari pertama saya diarahkan pulang. Hari kedua pejabat saya dikunci. Pejabat saya dikunci ditukar tombol, saya tidak boleh masuk ke pejabat.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya tombol pintu itu?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tombol pintu, saya tidak boleh masuk. Sampai-sampai sudah kunci. Saya tanya *officer* saya dia kata CEO baru ini arahkan untuk tukar kunci. Dalam bilik itu adalah fail saya dan semua barang-barang saya dalam itu. Akan tetapi saya sampai sekarang tidak boleh masuklah. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Chen:** Sampai sekarang?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Sampai sekaranglah. So, saya tidak boleh dan pegawai-pegawai diarahkan untuk tidak berhubung dengan saya. Tidak apalah, itu hak dia lah.

Kemudian yang paling besar sekali yang dibangkitkan dalam laporan ini ialah membayar dua gaji CEO serentak. Memanglah, saya CEO yang sah, gaji sedang berjalan, dilantik juga CEO pada waktu yang sama. Dua gaji— itu memang salah dari segi undang-undang.

Kemudian, syarikat ini adalah bukan syarikat berdasarkan keuntungan tetapi mereka yang masuk ini ingin membuat perniagaan supaya ada *share*. Mereka ada *share* dan mereka boleh berkongsi 50-50 dan sebagainya. Ini bercakap benar-benar dalam mesyuarat ini ya tanpa merujuk kepada M&A, tanpa kehadiran wakil-wakil kerajaan. Sampai hari ini saya tidak tahulah sama ada wakil kerajaan telah pun dilantik ataupun tidak dalam *board* ini— daripada kementerian sendiri dan juga daripada KDN.

**Tuan Wong Hon Wai:** Dr.

**Tuan Wong Chen:** Dato'.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Kalau dia hendak buat *deal*, *deal* apa ini? *What is this?* Ini syarikat as you said non-profit. You are making allegation that they are plotting to profit, is it?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Non-profit. Itu bukan allegation ya. Kita ada dua negeri lagi yang belum menggunakan sistem ini iaitu Sabah dan Sarawak. Kita telah berunding dengan JIM di Sabah dan Sarawak untuk mengguna pakai sistem STARS yang telah dibangunkan dan mereka sudah bersetuju cuma hari inilah pelaksanaan itu mungkin mengambil masa kerana ia kena bawa pada state assembly. Saya sudah bincang dengan pejabat kerajaan negeri sekalipun ya.

Kemudian sekarang ini ialah bila hendak bawa ke sana, mereka tidak mahu lagi menggunakan syarikat yang sama. Saya kata apa salahnya kita extend syarikat yang sama. Tidak boleh sebab dia katakan kita guna model yang lain 50-50 tetapi dia hendak jadikan sebagai— jadikan syarikat untuk membuat keuntungan iaitu bukan lagi sebagai satu anak syarikat di bawah EMGS sebagai satu yang lain. Saya kata ini bertentangan dengan M&A. Tidak boleh melainkan kita kena pinda M&A dan kena bawa kepada Kabinet, ini keputusan Kabinet. Saya berterus terang dengan pengurus saya dan saya tahu muka dia memang merah waktu itu.

**Tuan Pengerusi:** Maksudnya, satu syarikat baharu yang hendak diluluskan ini ia bukannya bawah...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Bukan EMGS.

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Adakah ia sendirian berhad?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dia hendak buat yang lain sebagai sendirian berhad.

**Tuan Pengerusi:** Sendirian berhad lain tetapi tidak ada kena mengena dengan syarikat kerajaan.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tidak ada kena mengena yang ini.

**Tuan Wong Chen:** Jadi, maknanya Kerajaan Malaysia bukan 100 peratus pemegang saham? Bukan? So, *it is a new company*.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya tidak...

**Tuan Pengerusi:** Siapa pemegang saham?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya tidak tahu telah— saya nampaknya dalam minit itu saya sudah nyatakan dia sendiri buat kenyataan maksudnya dia akan menggunakan perniagaan baharu untuk EMGS. Inilah yang saya katakan tidak boleh. Sekarang ini perniagaan baharu ini untuk Sabah dan Sarawak diberikan kepada katanya— saya tidak mustahil bagi tahu diberikan kepada MyEG yang sekarang juga dalam proses pengesahan isu monopoli dan sebagainya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Apa maksud perniagaan baharu yang dinyatakan di sini?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ini ialah perniagaan yang sama tetapi *market*-nya untuk Sabah dan Sarawak yang belum lagi menggunakan sistem ini. Okey, kemudian mengarahkan pegawai kontrak baharu dilantik tetapi ditempatkan di pejabat Menteri. Saya akan tunjukkan dokumen-dokumen selepas ini.

Pengerusi juga setelah beliau masuk menjadi pengerusi, melantik pegawai khas beliau di syarikatnya sendiri di tingkat 9 sebagai Timbalan CEO, tidak melalui jawatankuasa seperti yang ditetapkan oleh LOA iaitu jawatankuasa *Nomination and Remuneration Committee*. Syarat dia untuk CEO dan Timbalan CEO mesti melalui jawatankuasa ini. Apa yang dilakukan bawa terus kepada *board, endorse*. Okey.

**Tuan Wong Kah Woh:** Syarikat sendiri ini apa?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Syarikat— dia ada syarikat sendirian berhad.

**Tuan Wong Kah Woh:** Oh.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Chairman* ya, ada syarikat sendirian berhad di tingkat 9, *oil and gas*. Kemudian saya tahu mungkinkah kalau dipanggil untuk PAC jugalah untuk pengerusi untuk bertanya tentang fungsi, objektif, operasi EMGS, saya mungkin bolehlah— mungkin dia tidak memahami sepenuhnya sebab saya sendiri tidak— dia tidak mahu mendengar saya untuk memberi penerangan kepada beliau, okey.

Dia membuat tuduhan ke atas CEO selepas dia pecat. Semasa saya dalam pejabat, tidak pernah menerima apa-apa pertuduhan untuk saya, dibangunkan satu *domestic inquiry* ataupun memberi hak untuk menjawab. Sudah pecat baru menghantar tuduhan. Itu pun tidak dihantar kepada saya, dihantar kepada kementerian, kepada KSU Datuk Dr. Gazali Abas tadi.

#### ■1210

Datuk Dr. Mohd Gazali Abas kata turut disampaikan kepada KSN dan juga di Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi tuduhan itu tidak pernah sampai kepada saya. Bila saya baca itu semua adalah fitnah, tidak betul. Okey, mengapa? Orang yang profesional yang tahu tentang prosedur syarikat tidak akan buat seperti itu ya. Membatalkan surat pelantikan pegawai sehari sebelum melaporkan diri. Menyalahkan...

**Tuan Pengerusi:** Ini pegawai apa ini?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Pegawai ini yang telah ditemu duga melalui proses yang betul untuk dilantik sebagai Pengarah Bahagian Strategik untuk membangunkan pelan strategik, untuk melakukan penerbitan buku dan sebagainya. Sudah melalui jawatankuasa ditemu duga— melalui proses iklan ya ditemu duga bersetuju melantik pengarah. Hendak lapor diri 1 Januari, pada 31 Disember mendapat surat penamatkan daripada *Chairman*. Itu kuasa CEO. Itu bukan kuasa pengurus, ditamatkan oleh pengurus. Tidak dibawa semula kepada jawatankuasa dan bukan kuasa dia untuk menamatkan pegawai ini. Jadi sekarang pegawai ini menyaman EMGS ya.

Menyalahgunakan pejabat dan *staff* untuk perniagaan sendiri. Saya sendiri pernah masuk ke mesyuarat yang bukan berkaitan dengan EMGS tetapi pelabur-pelabur luar dan sebagainya. Membuat tuntutan perjalanan yang tidak berkait dengan tugas EMGS dan juga menghantar *third party notice* kepada bekas CEO iaitu kepada saya kerana plaintiff yang telah menyaman mereka tadi, mereka rasa mereka seakan dah tahu kesilapan mereka. Dia kata pada 31 Disember 2018 itu CEO adalah Dato' Dr. Rujhan, maka mereka meminta mahkamah membenarkan mereka menghantar *third party notice* kepada saya. Jadi kes ini menang atau kalah, saya akan habis duit poket sendiri. Ia tidak akan menguntungkan saya.

Ini buktinya, contoh arahan. Contoh satu, arahan Menteri melantik pegawai kontrak untuk ditempatkan di pejabat Menteri. Surat ini dibawa oleh pegawai menteri tanpa sampul surat. Surat kuning begini hulur dekat tangan kepada pegawai EMGS tanpa sampul kalau ketirisan berlaku tidak tahulah. Saya dengan pengerusi yang lama mendiamkan surat ini. Bila pengerusi yang baharu masuk, dilantik pegawai berkenaan dan saya terpaksa menandatangani surat berkenaan.

Membatalkan pelantikan pegawai yang diputuskan oleh jawatankuasa tetapi *one man show*, tidak dibawa kepada jawatankuasa dan membatalkan pelantikan berkenaan.

**Tuan Wong Chen:** Dato', balik kepada contoh pertama itu. You terima surat ini daripada pegawai. Ya?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Did you verify it signed by the Minister?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Yes. Pegawai Minister yang lain keep calling me said mengapa tidak dilantik lagi. Mengapa tidak dilantik lagi.

**Tuan Wong Chen:** You write a letter to object to the appointment? A formal letter?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya juga bercakap dengan Menteri.

**Tuan Wong Chen:** Oh, you bercakap personal?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Cakap personal dengan Minister kata ini tidak pernah dilakukan sebelum ini oleh mana-mana pengurus sebelum ini dekat EMGS. Ini now "Kalau you tidak tolong siapa lagi hendak tolong. You anak syarikat kementerian." Then, kita terpaksa. Pegawai dia keep calling me.

**Tuan Wong Chen:** Jadi selepas itu dia menjadi pegawai dalam EMGS?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dia dilantik dan terus ditempatkan di pejabat Menteri. Itu yang dilantik, tidak masuk dalam pejabat EMGS.

**Tuan Wong Chen:** Tidak pernah pegawai masuk pejabat?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tidak pernah masuk. Terus kepada pejabat Menteri.

**Tuan Wong Chen:** Akan tetapi gaji itu dibayar? EMGS bayar?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dibayar. Dia minta RM15,000 tetapi kita manage masa itu sebagai RM13,000 sahaja sebulan. Akhirnya dalam report ini dinyatakan pegawai berkenaan telah pun meletakkan jawatan apabila ditegur oleh audit.

**Tuan Wong Chen:** Jadi, semasa audit baharu dia letak jawatan? Maknanya berapa bulan di dalam gaji buta ini?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tiga bulan ke empat bulan juga saya rasa.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** It cost RM75,000.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** RM75,000. Okey, yang ini keputusan mesyuarat board pada 17 Januari di mana saya telah dijemput untuk hadir. Saya menjawab akan hadir dan saya akan membentangkan kepada board yang baharu, pengurus yang baharu iaitu pelan strategi untuk tahun 2019. Akhirnya saya tidak dibenarkan masuk mesyuarat. The next day saya menerima surat arahan menghabiskan baki cuti 36 hari untuk tahun 2018 dan tahun 2019. Kemudian juga dapat juga satu lagi memo pelantikan Interim CEO. Beberapa hari kemudian, Interim CEO telah menghantar surat kepada semua bahawasanya dia bukan lagi Interim CEO tetapi full CEO. Pada masa itu saya masih lagi CEO.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dato' Dr. Rujhan sikit. Saya hendak—sebab perkara ini berlaku begitu pantas. Saya hendak dapat sedikit penjelasan sendiri daripada Dato' komposisi BOD itu, perubahan yang berlaku ketika zaman Dato' merupakan CEO supaya kita tahu sebab Dato' sebut ada pengurus lama, pengurus baharu. Kemudian

CEO ini pun daripada BOD. Jadi kalau Dato' boleh ringkaskan sikit, mungkin kita tahu perubahan yang berlaku ketika Dato' CEO.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Okey. Ia dalam—CEO yang—masa saya masuk itu pengurusnya ialah YB Wan Abdul Hakim, anak kepada Wan Mokhtar, bekas Menteri Besar Terengganu. Dia pun dalam industri *oil and gas*. Masa dengan beliau, kita ada wakil kerajaan dua daripada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan kita ada juga Timbalan Ketua Setiausaha KPT dan *another* wakil swasta, satu daripada IPTS dan satu daripada IPTA yang akan saya dedahkan nama sebentar lagi.

Selain itu juga, ada wakil dipanggil ahli *board* yang lama, Datuk Jalilah Baba dan juga Encik Shah tadi. Itu enam orang itu *board member* ya. So, bila masuk pengurus baharu pada 1 November, arahan pertama kepada saya adalah menyediakan surat peletakan jawatan kepada semua *board* tanpa tarikh dan pergi dapatkan tandatangan mereka...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Pengurus baharu dilantik oleh BOD atau arahan Menteri?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Menteri.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Menteri ketika itu adalah?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Dr. Maszlee bin Malik.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Yang baharulah.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Yang baharu ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Tarikhnya pengurus baharu?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Pengurus baharu masuk 1 November. Bila semua menandatangi tanpa tarikh dan akhirnya ketika perkara ini berlaku, yang ada hanya tinggal ialah tidak ada lagi wakil kerajaan. Dua-dua sudah tamat dan tidak ada sambung. Manakala yang tinggal adalah wakil daripada Encik Shah sendiri yang menjadi CEO hari ini dan dua lagi adalah wakil daripada IPTA dan IPTS. Selepas ini saya akan tunjukkan namanya, Profesor Dr. Hassan Ali daripada UUM dan Datuk Dr. Paul Chan daripada Presiden HELP University. Mereka berada dalam mesyuarat berkenaan ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Datuk Jalilah Baba kena *drop*?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Kena *drop*. Dia adalah orang yang kalau kita kata pemegang saham ke, dia adalah pemegang saham. Oleh sebab dia ahli yang mula-mula sekali yang menjadi ahli tetap *board*.

Okey, keputusan dibuat tanpa wakil kerajaan dalam *board*. Ini penting kerana anak syarikat kementerian ya. Ini apa yang saya berhubung dengan dua *board member*. Profesor Dr. Hassan Ali adalah wakil IPTA, dia adalah bekas TNC UUM Kedah. Saya kata sebab dia kawan saya. Sebagai kawan tolong jelaskan apa yang berlaku dalam mesyuarat semalam sebab saya telah menunggu sampai *last* tidak dijemput masuk. Dia kata dia tidak tahu apa-apa yang dibincangkan. Dia bertanya, memang ada perbincangan antara chairman dan Encik

Shah sebelum mesyuarat berlaku. Itu saya pun tahu. Dia ada kata, "Saya ada tanya Encik Shah, tetapi dia beritahu saya dia akan speak dengan Dato' Rujhan."

Saya tanya Datuk Paul Chan juga *as my mentor*. Dia juga dulu dalam *board* MQA. Dia kata, "*I came late to the meeting.*" Saya tahu dia datang lambat. I bawa dia masuk bilik mesyuarat. "*I have asked Professor Hasan to give me the background. The moment I get it I will advise you.*" Maknanya kedua-dua ahli *board* ini mengesahkan tidak ada apa-apa perbincangan berlaku dalam 17 Januari. Maknanya— tetapi apabila mereka memecat saya mengatakan ada perbincangan *board* pada 17 Januari. Ini adalah manipulasi yang jelas menafikan. Sekarang Profesor Dr. Hassan Ali juga telah pun ditamatkan.

Okey, *instruction to finish remaining leave*. Ini saya dipecat kerana surat inilah. Pada 12 hari bulan Februari 2019 saya datang bekerja. Hari percubaan kedua-lah. Pertama, bilik dikunci. Bilik dikunci atas arahan *CEO Interim*. Hari itu juga saya menerima surat *no longer required*. *Okay, no longer required*. Dia kata akan dihantar balik kepada JPA.

Apa yang berlaku, saya dulu adalah pensyarah. Mei tahun lepas saya telah *convert skim* saya kepada *skim PTD*. Jadi saya dikembalikan kepada JPA. Jadi rasalah kolam sebentar dalam JPA. [Ketawa] Okey, *you no longer required*. Kerana apa? Dia kata kerana saya ingkar arahan supaya bercuti, saya datang bekerja. [Ketawa] Dalam mana-mana undang-undang buruh sekalipun, tidak ada orang dipecat bekerja kerana datang bekerja.

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa]

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Kemudiannya *you* tidak boleh mengarahkan orang menghabiskan cuti tahunan melainkan orang itu sendiri memohonnya.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Betul.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Then* saya kata mengapa perkara ini boleh berlaku? Bermakna *its good governance* tidak adalah. Saya dipecat 12 Februari. Dia kata akhirnya *board* membuat keputusan 4 Februari. Keputusan pemakluman itu setelah saya dipecat, bukan sebelum saya dipecat. Maknanya sekarang ini berlakulah sesuatu yang ganjil.

## ■1220

Ini penyalahgunaan kuasa. Tengok surat yang pertama mungkin tidak jelas tetapi saya boleh jelaskan. Surat pertama daripada pegawai kewangan saya mengatakan arahan Menteri supaya melantik Encik Akhram bin Sanusi sebagai Penasihat EMGS. Saya kata saya sebagai CEO tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana pengurusan untuk pelantikan sebagai penasihat. Setahu saya, calon ini sedang dalam proses pelantikan sebagai *board member of EMGS* dan dalam tindakan SSM. Orang dalam proses itu dilantik sebagai *board member*, tiba-tiba *you* pergi lantik surat satu lagi sebagai penasihat. Apa tujuannya? Okey, akhirnya saya tahu tujuannya. Itu ada *trip* ke London, hendak bawa beliau pergi ke London dengan menggunakan duit EMGS.

Kedua, tengok arahan PA saya. PA saya arahan menghantar surat yang di tengah itu “Arahan untuk menggunakan kad kredit syarikat”. Kad kredit syarikat itu nama saya. Arahan *chairman* kepada beliau ialah membenarkan— saya mesti menandatangani untuk membayar perjalanan Menteri dan pegawai-pegawainya ke luar negara, ke London daripada tarikh yang dinyatakan. Saya kata perkara ini tidak pernah dibincangkan dengan saya, mengapa saya kena menandatangani perkara ini. Ini tidak boleh. Ini kalau Menteri pergi ke luar negara, dia ada peruntukan Menteri.

**Tuan Wong Chen:** Ya, right.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Mengapa menggunakan peruntukan EMGS? Jadi— dia kata, “*Chairman, want you to sign this letter*”. Saya kata saya boleh *sign but give me back*. You give surat yang saya tulis ini bagi semula kepada beliau. Itu berlaku dua hari atau tiga hari sebelum saya dipecat.

**Tuan Wong Chen:** Setahu Dato', adakah *this trip by the Minister* ke Sheffield, *is it the government trip or is it a personal trip?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya dapat tahu ya, saya dapat tahu ini— *first, it's a government trip, following Tun Mahathir* ke London. Ini pergi ke Sheffield. *Trip* yang diluluskan oleh kerajaan atau Kabinet ialah sampai ke London. So, maknanya sekarang ini hendak bawa ke Sheffield untuk tujuan berbincang dengan satu syarikat, untuk berbincang fasal kereta ketiga negara. Itu bukan *business strategic*, bukannya *core business of EMGS*. Apabila saya dapat tahu, saya rasa tidak boleh tetapi dipaksa juga saya menandatangani. Saya boleh menandatangani tetapi selepas saya tandatangan surat ini, saya akan catat *you* bawa balik surat ini kepada pengurus. Itulah surat yang saya simpan sampai hari inilah.

Betul, kad ini kad saya. Seolah-olah saya yang pergilah, saya menandatangani dan sebagainya. Okey, dibawanya pegawai Menteri, dibawanya penasihat tadi untuk ke London.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Sikit Dato' yang fasal ini sebab dahulu waktu sebelum pilihan raya saya pernah bangkitkan macam mana YaPEIM ketika itu menggunakan peruntukan mereka untuk membawa Menteri ke luar negara untuk kursus kahwin, *trip golf* dan sebagainya. Bagi saya benda itu yalah— *I've raised the issue and* bagi saya benda itu tidak betullah.

Cuma yang ini untuk rekod— maksudnya apabila diarahkan untuk Dato' bersetuju menggunakan dana ini, jadi *credit card* ini atas nama Dato'?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Nama syarikat memang tidak ada? Atau sebab saya tengok di sini *Rujhan Education Management...*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, kad itu nama saya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi, adakah perbelanjaan kad ini dilaporkan ke EMGS sebagai bentuk penggunaan? Akan tetapi *how detail you kena report* ataupun sekadar ini perbelanjaan CEO, jadi benda itu memang dikaburi?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ia kad dipegang oleh CEO dahulu ya, Timbalan CEO dan juga pengarah promosi. Ada tiga kad yang berbeza. Dalam kes ini, kalau saya hendak ke luar negara saya mesti dapat kelulusan pengerusi. Okey? Oleh sebab saya di bawah *board*, untuk pengerusi *board* untuk memberikan kelulusan. Akan tetapi kalau pengerusi hendak menggunakananya, tidak ada kelulusan daripada mana-mana untuk diperoleh. Tidak ada badan yang boleh memberi kelulusan. Maknanya arahan sahaja yang membolehkan mereka guna tetapi itu sudah menyalahi tatacara. LOA jelas menyatakan— saya dipandu oleh LOA dengan M&A of *the company*. Jadi, memanglah saya kata Menteri ada peruntukan sendiri, mengapa perlu peruntukan sini? Akan tetapi kerana ada *trip* yang lain yang perlu dilakukan ya.

**Tuan Pengerusi:** Minta maaf Dato', kita ada wakil daripada SPRM atau tidak? Boleh atau tidak beri sedikit penjelasan kalau berkaitan dengan perkara yang dinyatakan oleh Dato' ini?

**Puan Noor Azurainy binti Mohd Nordin [Ketua Cawangan (Awam) (Pemeriksaan dan Perundangan]:** Okey, saya memohon maaflah bagi pihak Dato TKP, Dato' Shamsun Baharin kerana tidak dapat hadir hari ini. So, saya wakil kepada beliau. So, saya tidak dapat beri maklumat terperinci. Cuma di SPRM kami ada terima 13 maklumat fasal EMGS untuk *certain seat* tiga tahun yang terakhirlah, tahun 2017 sehingga 2019. Sekarang pada tahun 2019, kami ada buat satu siasatan kes di EMGS yang masih lagi dalam tindakan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Bermaksud ada siasatan terhadap syarikat...

**Puan Noor Azurainy binti Mohd Nordin:** Siasatan, ya terhadap EMGS.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Sekejap, tadi kata ada 13. Siasatan hanya satu sahaja dahulu?

**Puan Noor Azurainy binti Mohd Nordin:** Siasatan satu tetapi ia merangkumi beberapa maklumat dikumpul sekali dalam satu kes siasatan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Noor Azurainy binti Mohd Nordin:** Ya, maklumat 13 ya.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, saya juga turut dipanggil oleh SPRM untuk memberi keterangan. Dalam keterangan itu jelas saya tidak ada— saya tahu diri saya memang jelas tidak ada unsur rasuah, tidak ada unsur pecah amanah. Cuma ialah melaporkan penggunaan kewangan *trip* ke luar negara dan sebagainya. Akan tetapi jelas di bawah LOA masing-masing.

Ada beberapa angka yang saya baharu pertama kali melihatnya. Ia ditunjukkan kepada saya seolah-olah penggunaan itu saya yang gunakan.

**Tuan Pengerusi:** Angka apa itu?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Angka perbelanjaan ke luar negara. Tiket...

**Tuan Pengerusi:** Berapa jumlahnya?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tiket penerbangan yang tinggi. Saya tengok paling tinggi ialah paling dekat RM79,000 dan itu saya kata saya sendiri pun tidak pernah fikir tiket perbelanjaan saya sampai begini tinggi RM79,000. Saya tidak tahu lah sebab ditunjukkan—dia kata ini disahkan oleh pihak EMGS *you* meluluskannya. Ini ada *trip you* sendiri ke Oman, Paris dan London. Memang ada perjalanan saya waktu itu.

Ke Oman kerana Oman menghentikan penghantaran pelajar mereka ke Malaysia kerana isu kualiti beberapa IPT kita. Saya berjumpa dengan Menteri. Daripada Oman saya ke Paris kerana saya wakil UNESCO tadi, itu dibayar oleh pihak yang lain, bukan oleh EMGS.

Balik, saya balik ke London hendak balik ke Malaysia kerana hendak menggunakan juga *Malaysia Airlines*. Dia tanya saya, mengapa tidak balik terus daripada Paris ke Kuala Lumpur? Tidak ada *flight*. Ada tetapi syarikat lain saya katakan. “*Mengapa daripada London awak membelanjakan excess luggage about GBP400.*” Saya rasa saya tidak pernah ada *excess luggage*. Saya hanya ada satu beg sahaja. So, maknanya saya *dok bimbang* sekarang ini kad saya telah digunakan oleh pihak lain.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau begitu ada bukti-buktikah? *I mean because you have mentioned*, sebab kita mendengar testimoni daripada Dato' yang mengatakan bahawa tidak ada berlaku perkara berkenaan. Akan tetapi macam mana Dato' hendak membuktikan sebab ketika itu Dato' sendiri kata berada di Oman kemudian berada di...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Paris.

**Tuan Pengerusi:** Di Paris.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Selepas itu pergi ke London waktu itu. Akan tetapi dalam waktu yang sama, Dato' juga mengatakan bahawa pembayaran tiket dibayar oleh— siapa tadi, UNESCO?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Waktu itu bukan lagi UNESCO tetapi MQA sebab saya mewakili MQA waktu itu. MQA yang menaja.

**Tuan Pengerusi:** MQA yang membuat bayaran. Bermaksud— okey, kalau ada bukti mungkin boleh dilampirkan bersama juga. Maksudnya, maknanya ada— ini adakah betul pada hemat saya ataupun pemahaman saya ia mengatakan bahawa ada pihak daripada apa yang Dato' katakan, ada pihak yang menggunakan waktu yang sama Dato' berada di sana menggunakan juga kad tersebut?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, ya. Saya pun sudah rasa begitu sebab saya sudah...

**Tuan Pengerusi:** Saya bertanya pandangan, betul kah saya faham macam ini?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya, apabila saya di SPRM, saya ada fikir mengapa timbul isu ini. Sedangkan saya sendiri masa itu baharu— itu berlaku akhir tahun 2017. Maknanya baru sebulan saya bekerja dengan EMGS dan saya tidak ada kad korporat sendiri pada masa itu. Kad itu adalah milik— diuruskan semua perjalanan saya, diuruskan oleh pegawai EMGS, penempahan bilik saya dan perjalanan saya.

Apa yang berlaku daripada Oman— selesai daripada Oman saya ke Paris. Sampai di Paris saya dapati bilik— saya tidak ada bilik ditempah. Walhal sebelum saya sampai diarahkan bilik sudah ditempah. Akan tetapi apabila saya sampai sana bilik tidak ditempah. Saya berhubung semula, nama saya telah dibatalkan. Apabila dibatalkan, saya terpaksa buat yang baharu untuk *stay-kan*? Adakah pegawai saya apabila batal tadi sudah tidak dapat balik pulangan wang daripada hotel? Saya tidak tahu ini sebab ini saya tidak dapat akses daripada pejabat saya. Itu yang pertama.

Keduanya, masa saya balik daripada London itu, ada pegawai saya yang berada di Germany. Dia pergi ke *Germany same day...*

**Tuan Pengerusi:** Tahun berapa ini?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tahun 2017.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2017?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tahun 2017, saya baru sebulan.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2017 ini sudah lama sudah.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya waktu ketika itu pun sudah ada macam seolah-olah penyalahgunaan ini.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tidak, ia baru timbul sekarang. Ia timbul selepas pilihan raya.

**Tuan Pengerusi:** Oh, okey.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Oleh sebab itulah tadi apabila saya ambil tindakan kepada pegawai, ada macam sesuatu hendak dilakukan. Akan tetapi tidak tahu, sebab saya tidak tahu— sebab saya fikir yang melakukan pegawai berkenaan yang menguruskan semua perjalanan saya itu dia *resign*. Pegawai berkenaan dia *resign* tahun lepas. Kemudian ada *excess luggage GBP400*. Saya tidak pernah. Sampai saya ditanya *you belanja kah dekat— you shopping kah di Paris*. Saya bukan kaki *shopping*, tidak *shopping* pun saya.

■1230

You bawa *girlfriend* kah? Tak ada *girlfriend* pula kita dah umur nak pencen lagi dua tahun, tiga tahun lagi nak pencen kan. [Ketawa] Okey. Kemudian— dan saya tanya soalan-

soalan yang dikemukakan kepada saya. Itu bukan soalan fasal rasuah dan pecah amanah, tetapi lebih berkait kepada mungkin tuduhan-tuduhan yang diberikan kepada saya. Benda ini keluar hanya selepas pilihan raya iaitu ada satu keluar dekat media sosial sekali pun, dia tanya juga *you* ini kuat orang biru dan sebagainya.

Itu gambar-gambar semasa menjelang pilihan raya yang menimbulkan perkara ini dekat media sosial. Saya pun terkejut tengok yang kes belanja *excess luggage* saya itu kali pertama saya tahu. Saya kata saya tak pernah tahu sebelum ini. Kali pertama saya tahu baru bulan lepas dipanggil oleh SPRM dan saya menafikan. Saya menafikan saya menggunakan lebihan ini sebab saya tahu saya hanya menggunakan tiket untuk perjalanan ke Oman dan London ke Malaysia sahaja. Takkan sampai RM79,000. Saya tak tahu macam mana.

So, rupanya dalam waktu yang sama, ada kumpulan saya juga daripada Jerman ke London, London ke Kuala Lumpur. Ini kerana itu bukan kad saya, kad diuruskan oleh pegawai, adakah mereka memasukkan di bawah...*[Disampuk]* *Under my account*. Jadi saya rasa begitulah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kalau *credit card* itu, *nobody can simply charge into your account unless you have...*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tak, dia ada kad dia. Satu kad, *corporate card*. So, dia akan masuk dalam situ bersama dengan perjalanan saya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *This corporate is by the company.*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Company.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Company?*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** *Ya, to the pegawai...*

**Seorang Ahli :** Biasalah.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** ..Yang mengendalikan promosi di luar negara. Adakah kerana itu mereka meletakkan di bawah perjalanan saya?

**Tuan Wong Chen:** Dato', saya hendak tanya sedikit tentang contoh nombor enam ni. Jadi, mengikut surat yang nombor dua di tengah ini, dia kata Menteri dengan dua orang *assistant*. Betul tak? Ke Sheffield lah. Nombor tiga kita nampak dia untuk satu orang sahaja. *Guest detail*. USD464 satu malam.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya tak tahu berapa ramai. Saya tak tahu berapa ramai yang pergi sebab ini memang— isu ini lepas itu dua hari ke tiga hari kemudian saya sudah dipecat.

**Tuan Wong Chen:** *Oh, so almost immediately after these things, you got sacked.*

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Yes, yes. Surat ini 14 kah atau 16 Januari kah?

**Tuan Wong Chen:** 14 Januari.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya ke— lepas 14 Januari kan? Lepas itu saya bercuti tahunan dan saya diarahkan bercuti juga sehabisnya. Saya gunakan cuti saya dan masuk ke pejabat 11 hari bulan Februari dan 12 hari bulan Februari saya kena pecat.

**Tuan Wong Chen:** Boleh saya tahu atau tidak sama ada Dato' tahu apakah jumlah yang *charge* pada *credit card*? Oleh sebab dia sini kata lebih kurang RM2,000 semalam punya hotel. Jadi dua malam itu RM4,000 lah. Akan tetapi untuk seorang sahaja. Untuk Menteri sahaja. Tapi yang dua *assistant* itu dia *charge* berapa?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya tak tahu, sebab perjalanan ini berlaku selepas saya dipecat iaitu akhir Januari. Bukan selepas saya dipecat, selepas saya bercuti ke luar negara.

**Tuan Wong Kah Woh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* So after that wouldn't anymore...

**Tuan Pengerusi:** Okey, Dato' teruskan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Satu lagi Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Saya nak tahu sebab tadi Dato' ada menyatakan ketidaksetujuan kaedah *charge* ini dibuat—*trip* ke luar negara. Cuma saya hendak tahu kebiasaannya untuk di peringkat EMGS, sebelum sesuatu lawatan dibuat, adakah ianya kena dapat kelulusan daripada pengerusi dan juga saya pasti mesti akan ada kertas kerja dan sebagainya, sebagai sokongan kepada permohonan tersebut. Jadi amalan itu memang ada.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Amalan itu memang ada.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi dalam kes ini...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tidak ada.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Tidak ada.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Hanya arahan sahaja.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi tidak ada justifikasi mengatakan bahawa lawatan ini adalah bertujuan mempromosikan EMGS...

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Saya boleh meminta Menteri untuk— sebagai contoh, saya boleh meminta Menteri untuk menjalankan tugas EMGS buat promosi di luar negara dan kita boleh membayarnya. Akan tetapi kertas kerja itu mestilah daripada saya dan saya mesti mendapatkan kelulusan pengerusi. Itu proses yang betul.

**Tuan Pengerusi:** Kelulusan Pengerusi kah atau kelulusan *board of directors*?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Pengerusi *board of directors*.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya dia kena masukkan dalam *board* juga kan?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Kalau kata ah saya nak suruh Menteri ke luar negara, “*Yang Berhormat Menteri, can you go this destination on behalf of EMGS to promote Malaysia. We pay you.*” So saya kena buat kertas kerja kepada *management* dan bawa kepada

pengerusi *board* untuk mendapat kelulusan. Dalam kes ini, pengerusi mengarahkan CEO untuk ini tanpa apa-apa kertas kerja.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Kalau beza dengan YaPEIM dulu, paling kurang ada kertas kerja untuk buat kursus kahwin. Kemudian Menteri dibawa untuk merasmikan kursus tersebut. Ini memang kertas kerja untuk lawatan itu sendiri pun tak ada?

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Tak ada. Itu saya beritahu, saya ini kali—ini di luar kebiasaan saya katakan. Bukan amalan yang betul.

Okey seterusnya yang ketujuh. Ini saya dah beritahu, saya di saman oleh defendant, EMGS pula menyaman saya kerana dia disaman oleh plaintiff sebab dia memecat pegawai tadi. Dia disaman. Memang jelas kesalahan itu di pihak defendant, dan sekarang defendant menghantar saya *third party notice*. Jadi masa saya banyak terbuang dekat kes ini, dekat isu-isu ini ya.

Kemudian, dia menghantar empat surat pertuduhan kepada KSU dan lain-lain pihak untuk—yang tidak pernah sampai kepada saya dan sehingga saya dipanggil dan ditemu bual oleh Ketua Unit Integriti KPM kerana perkara ini dan saya terkejut. Ini kali pertama saya mendapat pertuduhan tetapi bukan daripada syarikat, melalui Unit Integriti. Itu saya pelik. Saya sepatutnya mendapat pertuduhan semasa—kalau benar, semasa saya bekerja dengan EMGS kan? Sekarang saya sudah berada di tempat lain dan saya terpaksa memohon mereka memberikan saya pertuduhan berkenaan untuk menjawab secara bertulis dan KSU membenarkan Unit Integriti memberikan empat muka surat berkenaan tetapi tidak memberikan *cover letter*. Jadi sukar juga untuk saya membuat tindakan guaman kerana dia tidak bagi surat siapa yang menandatangani surat dekat depan. Akan tetapi saya tahu ditunjukkan kepada saya oleh Unit Integriti ditandatangani oleh pengerusi.

*Last, on* isu geran. Geran memang betul, kita menerima geran. Pada tahun 2012, RM14.2 juta dan pada tahun 2013, RM6 juta. Itu daripada KPT dan daripada PEMANDU RM10 juta. EMGS tidak menggunakan geran ini kerana telah mampu menjanakan pendapatan sendiri.

Apa yang saya lakukan pada tahun 2018? Saya telah mendapat kelulusan daripada *board* untuk buat cadangan cari bangunan baharu untuk EMGS untuk kita letakkan dia di bawah satu bumbung sebab kita ada di tempat yang berlainan. Satu dekat Menara TA dekat Ampang, satu dekat Cyberjaya. Jadi menyebabkan—and satu lagi *headquarters* ada lagi dekat Menara Hampshire. Dia tiga tempat. Jadi komunikasi agak payah. Saya kata dengan *board*, *board* bersetuju untuk cari bangunan untuk EMGS dan kita dah cari bangunan dekat Cyberjaya dan kita pergi tengok bangunan berkenaan. Kemudian, bila CEO baharu masuk, dia tamatkan. Dia kata tak perlu.

Kedua, dalam *business plan* saya untuk 2019 ialah kita ingin menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar melalui G2G, *Government-to-Government* iaitu *matching grant*.

Matching dengan negara-negara luar. Oleh sebab itulah perbelanjaan kita pada tahun itu besar kerana kita telah menggunakan sebagainya untuk peruntukan daripada geran berkenaan. Jadi kesemua ini tidak dapat dilakukan kerana akhirnya saya telah dipecat daripada EMGS.

Jadi, saya juga bercadang untuk tahun 2019 untuk mendapat 200,000 pelajar pada tahun 2020, tahun hadapan. Kita membuat platform memberi percuma kepada IPTS. Selama ini mereka membayar 20 peratus. Jadi kita katakan kerana mereka telah membayar lima tahun, tahun 2019 ini kita hendak bagi *almost free*. Saya dah buat sekali masa saya CEO dekat Sabah dan Sarawak, dekat Kalimantan Timur dan Barat, *free*. Sambutan daripada universiti buat pertama kali mengatakan sepatutnya sudah lama kena buat ini. Oleh sebab kita sudah ambil duit mereka, kita kena kembalikan kepada mereka tetapi... *[Disampuk]* Ya, we are not supposed to make profit. But the current one looking for the profit. So, sekarang tak ada lagi event overseas, very rare dan sekarang IPT juga banyak complaint, but I can say I'm no longer the competent authority to talk on your behalf. Tak boleh lagi. Takut nanti kena saman dan sebagainya. So, itulah sahaja Yang Berhormat dan semua ahli. Ada pertanyaan lain? Silakanlah.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa lagi soalan nak tanya? Ya, Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Saya— bukan soalan. Cuma untuk rekod saya rasa kita kena panggil Pengerusi *board of directors*. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** *Which one?*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Yang baru. Datuk Abdul Rahman.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Boleh panggil dua-dua juga. Yang lama boleh panggil juga. Sebab yang pertama nak tanya fasal pemilihan vendor. Pertama, Datuk Adnan bekas Bank Islam.

**Tuan Pengerusi:** Okey, tak apa. Terima kasih banyak kepada Dato' di atas kesudian untuk hadir ke prosiding kita pada hari ini dengan sukarela dan apa-apa juga maklumat, macam kita saya nyatakan tadi di awal, ini adalah untuk makluman kita. Apa juga perbincangan ini adalah rahsia sehingga ia nanti akan dibentangkan ke dalam Dewan Rakyat. Jadinya terima kasih banyak.

**Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa:** Terima kasih.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.39 tengah hari]**